

## Info Program

Pertumbuhan pesat dalam industri 4.0 telah menjadikan analisis sebagai strategi penting untuk semua bidang perniagaan. Kemahiran Analitik Perniagaan adalah alat utama yang memberi tumpuan kepada pembuatan keputusan berasaskan bukti. Memandangkan permintaan data perniagaan yang semakin meningkat, permintaan terhadap graduan perniagaan dengankemahiran komputer dan analitik adalah sangat tinggi. Oleh itu, pengkhususan Analitik Perniagaan dibangunkan untuk melatih para pelajar untuk memahami pelbagai persekitaran dan kaedah industri 4.0 untuk menyelesaikan masalah secara analitik.

## Info Kerjaya

- Penganalisis Perniagaan
- Penganalisis Data



## Info Program

Tujuan utama pengkhususan Kewangan adalah untuk menyediakan pelajar dengan pendidikan berkualiti dengan pengalaman holistik untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran dalam mengejar kerjaya masa depan dalam bidang kewangan, perbankan dan pelaburan. Masyarakat mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap pendidikan pengurusan kewangan di Malaysia, sebahagiannya disebabkan oleh perkembangan pesat dalam pasaran ekonomi dan kewangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Adalah sangat penting bahawa pengukuhan pasaran kewangan sangat bergantung kepada kecekapan dan profesionalisme modal insannya.

## Info Kerjaya

- Penganalisis Kewangan
- Jurubank Pelaburan/ Runcit
- Penganalisis Kredit
- Penganalisis Ekuiti
- Perancang Kewangan
- Perhubungan Pelabur



## Info Program

Pengkhususan Perniagaan Antarabangsa direka untuk menyediakan pelajar untuk pasaran global. Ia merangkumi aspek-aspek seperti globalisasi dan kesan persekitaran global terhadap organisasi, undang-undang perdagangan, pelaburan langsung asing, strategi firma-firma antarabangsa, dan pengurusan antarabangsa, termasuk silang budaya dan pengurusan sumber manusia antarabangsa. Di samping itu, para pelajar sangat digalakkan untuk mendapatkan pendedahan antarabangsa melalui program pertukaran selama satu semester dengan rakan universiti antarabangsa atau / dan latihan perindustrian dengan syarikat multinasional. Pelajar juga digalakkan mempelajari bahasa asing untuk meningkatkan kepekaan mereka terhadap budaya asing, bahasa dan kepintaran perniagaan antarabangsa.

## Info Kerjaya

- Pengurus Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- Eksekutif Perniagaan Antarabangsa
- Pegawai Diplomatik
- Eksekutif Pasaran Antarabangsa



## Info Program

Bidang Kewangan Islam menyasarkan untuk memberi pendedahan dan membekalkan para pelajar dengan pengetahuan kontemporari mengenai Kewangan Islam, yang diperlukan untuk menghadapi suasana Kewangan Islam yang semakin berkembang dan sentiasa berubah. Pelbagai aspek Kewangan Islam akan diberikan keutamaan yang sama untuk memastikan bahawa pengkhususan ini boleh menghasilkan pemimpin beretika, kompetitif, kreatif dan berpengetahuan dalam Kewangan Islam, yang dapat mengintegrasikan, menyusun strategi dan menyeimbangkan antara prestasi firma dan kebajikan sosial.

## Info Kerjaya

- Jurubank
- Penasihat Kewangan Takaful
- Pakar Ekuiti Islam
- Perundangan dan Penyeliaan
- Penyelidikan dan Pembangunan
- Analisis dan Perundingan
- Perancangan Kekayaan dan Wasiat



## Info Program

Pengkhususan Pemasaran direka bentuk untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan perniagaan dan pemasaran. Ia bertujuan untuk membangunkan fleksibiliti, kebolehsuaian dan kebebasan untuk membolehkan pelajar cemerlang dalam dunia perniagaan dinamik. Pemasaran merangkumi perancangan dan pengurusan strategik bekalan pasaran yang memenuhi keperluan pengguna dan pada masa yang sama, mencipta keuntungan untuk organisasi. Sebagai satu disiplin, ia mengandungi prinsip yang boleh digunakan sebagai panduan untuk mengenal pasti pasaran sasaran, memahami keperluan pelanggan, merancang bekalan pasaran (kedua-dua produk dan perkhidmatan) dan merancang strategi peredaran, harga dan promosi

## Info Kerjaya

- Pengurus Pengiklanan
- Perancang Media
- Penyelidik dan Penganalisis Pasaran
- Setiausaha Akhbar/ Pengurus Perhubungan Awam
- Pengurus Pembangunan Perniagaan
- Pengurus Produk/Pembungkusan/ Rekabentuk/Pengurus Jenama



## Info Program

Setiap aspek perniagaan dipengaruhi oleh operasi yang mencipta barangan atau menyampaikan perkhidmatan untuk kesejahteraan masyarakat dan membentuk persekitaran yang selamat dan hijau selain menawarkan fungsi ekonomi. Pengurus Operasi adalah penggerak utama dalam meningkatkan produktiviti dan mewujudkan persekitaran yang mampan. Oleh yang demikian, pengetahuan dan kemahiran dalam Operasi adalah penting untuk persaingan dinamik dan global. Dalam merealisasikan perkhidmatan atau pembuatan yang cekap, pengkhususan Operasi menawarkan beberapa kursus termasuk Operasi, Logistik dan Rantaian Bekalan, Kualiti, e-perniagaan, Teknologi dan Pembuatan Keputusan.

## Info Kerjaya

- Perancang Logistik
- Perancang Pengeluaran
- Perancang Inventori
- Eksekutif Rantaian Bekalan
- Eksekutif Impot / Ekspot



## Info Program

Strategi dan Pengurusan Organisasi adalah pengkhususan yang menggabungkan pemahaman teoretikal mengenai pengaruh organisasi terhadap tingkah laku dan sikap individu di dalam organisasi. Pengkhususan ini memberikan pelajar pengetahuan pengurusan yang luas serta kemahiran fungsian. Penggabungan pengetahuan dan kemahiran ini diperlukan untuk memperolehi kerjaya dalam pelbagai jawatan berkaitan pengurusan di pelbagai sektor, atau sebagai seorang usahawan.

## Info Kerjaya

- Pengurus Pentadbiran
- Usahawan
- Eksekutif Pengurusan Bakat
- Eksekutif Operasi Organisasi & Perancangan
- Eksekutif Operasi dan Pembangunan
- Pakar Sumber Manusia

